

03/09/1997

Pasaran terbuka kekal (HL)

Noordin Zakaria; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia akan tetap mengekalkan sistem pasaran terbuka walaupun pasaran mata wang negara terdedah kepada manipulasi pihak luar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, di sebalik kejatuhan teruk pasaran saham negara sejak kebelakangan ini, beliau yakin pelabur akan tetap memasuki pasaran tempatan kerana keadaan di Malaysia amat baik untuk menjalankan perniagaan.

Menjawab soalan dalam sesi temu bual khas dengan rangkaian Cable News Network (CNN) melalui program Q&A malam ini, beliau menegaskan langkah pencegahan jangka pendek penting bagi mengawal kegiatan spekulasi.

"Langkah jangka pendek ini perlu bagi mengelakkan kejatuhan berterusan di pasaran saham akibat tindakan segelintir pelabur asing yang hanya mementingkan diri sendiri," katanya dalam program selama satu jam dikendalikan secara langsung oleh wartawan kanan CNN, Riz Khan di Atlanta, Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri menjawab soalan yang dikemukakan dari seluruh dunia di Angkasapuri.

Beliau juga berkata bahawa tidak seperti sesetengah negara lain yang 'juga menderita' kerana manipulasi mata wang dan pasaran saham, Malaysia mempunyai keupayaan untuk menangkisnya.

Dr Mahathir mengakui bahawa langkah jangka pendek itu sudah tentu akan mempunyai kesan jangka pendek terhadap pelaksanaan Wawasan 2020 negara.

"... tetapi dalam jangka panjang, jika kami dapat mengatasi krisis mata wang ini, kami yakin bahawa orang akan terus datang untuk mengurus niaga di Malaysia semata-mata kerana negara ini amat baik untuk perniagaan," katanya.

Beliau turut mendedahkan bahawa 'lambakan' saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) baru-baru ini mengakibatkan kerugian modal pasaran kira-kira RM500 bilion, sesuatu yang tidak boleh dibiarkan begitu saja oleh Malaysia.

Dr Mahathir turut mengulangi kritikan pedas terhadap 'penyangak spekulator' yang menyebabkan rakyat negara ini miskin sebanyak 20 peratus akibat manipulasi berterusan ke atas mata wang dan pasaran sahamnya, terutama oleh kumpulan yang diketuai pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros.

"Dia (Soros) mengakui terbabit. Dia kata pembabitannya tidak banyak tetapi kita tahu dia memiliki beberapa dana yang digunakan untuk menjatuhkan ringgit. Dia memulakan sesuatu yang akhirnya diikuti oleh dana lain, jika tidak bagaimana ringgit boleh jatuh mendadak," katanya.

Menurut Perdana Menteri, salah satu contoh terbaik mengenai dasar pasaran terbuka negara ialah layanan baik terhadap syarikat AS di negara ini, walaupun beliau sering mengkritik dasar luar negara berkenaan.

"Saya tidak pernah memandangi baik dasar AS, tetapi kita dapati banyak syarikat AS yang berniaga di Malaysia... sudah tentunya ia juga baik untuk kita," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai kemungkinan masalah ini berlaku kerana Malaysia terlalu banyak melabur dalam projek mega, Dr Mahathir menjelaskan bahawa perkara itu tidak benar.

Menurutnya, beliau tidak faham mengapa kritikan seperti itu seharusnya timbul kerana infrastruktur berkenaan sebenarnya dibina selepas pihak yang sama mendakwa Malaysia tidak memiliki kemudahan mencukupi.

"Mereka mendakwa kita tidak memiliki kemudahan, tetapi apabila kita melabur dalam kemudahan misalnya dalam projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, mereka dakwa kita melaksanakan projek gergasi.

"Apa yang kita lakukan adalah untuk keperluan masa depan. Lapangan terbang sedia ada kini tidak mampu menampung kerana ia dibina untuk 400,000 penumpang setahun, sedangkan permintaan ialah 16 juta penumpang setahun," katanya.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai tarikh beliau mengundur diri daripada kerajaan. Menurutnya, beliau akan meletakkan jawatan apabila tiba masanya nanti.

"Masanya akan tiba. Apabila tiba nanti, saya akan membuat keputusan," katanya menjawab soalan Riz mengenai kemungkinan mencuba satu lagi penggal sebagai Perdana Menteri.

Terdahulu, seorang pemanggil dari United Kingdom menanyakan: "Apa yang akan berlaku kepada Malaysia apabila anda (Mahathir) tidak ada?"

Dr Mahathir menjawab: "Saya tidak fikir banyak perubahan radikal akan berlaku semata-mata saya tidak ada. Kami memiliki kerjasama dan kepimpinan yang komprehensif.

"Di Malaysia dalam tempoh 40 tahun lalu, kami membuat perubahan pemimpin tanpa sebarang gangguan dan kini saya sudah memilih pengganti saya... jadi saya rasa tiada masalah.

"Satu-satunya masalah ialah apabila saya akan mengundur diri. Ia amat sukar untuk ditentukan tetapi saya rasa saya boleh membaca tanda-tandanya."

Dalam temu bual itu, Dr Mahathir turut ditanya mengenai peranan Malaysia dalam membantu Negara Dunia Ketiga, isu agama, rasuah, cetak rompak, Koridor Raya Multimedia (MSC), industri kecil dan sederhana dan peranan masa depan Asean.

(END)